

21 SEP 1999

Tajol-Calon

DESAS DESUS RAMAI CALON UMNO MUKA BARU HANYA KHABAR ANGIN, KATA TAJOL

LANGKAWI, 21 Sept (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata desas-desus bahawa ramai calon pilihan raya umum Barisan Nasional khususnya Umno, merupakan muka baru, hanya khabar angin.

Katanya beliau yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan menggugurkan muka lama dengan sewenang-wenang kerana tidak mahu melihat keputusan menggantikan calon menjadi punca kekalahan dalam pilihan raya nanti.

"Daripada pengalaman lepas, saya berpendapat Perdana Menteri tidak akan menukar calon Umno dan BN sewenang-wenangnya kecuali atas sebab-sebab yang penting," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan jentera pilihan raya Umno Bahagian Langkawi di sini malam tadi.

Tajol Rosli yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata daripada pengalaman lepas, Perdana Menteri yang juga pengerusi BN, jarang menukar calon sehingga ada yang marah terhadap beliau.

"Apa yang penting kepada kita ialah calon yang diletakkan adalah calon Barisan Nasional," katanya.

Mengenai lawatan beliau ke Langkawi, Tajol Rosli berkata MT telah menetapkan supaya beliau meninjau persiapan pilihan raya untuk kawasan Parlimen Langkawi, Jerlun, Kubang Pasu di Kedah dan Padang Besar, Kangar serta Arau di Perlis sebelum akhir bulan ini.

Beliau turut mengulas demonstrasi liar yang dilakukan oleh para penyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di ibu negara pada hujung minggu.

Katanya kerugian negara akibat demonstrasi itu bukanlah dari segi harta benda yang dibakar atau dipecah, tetapi menjejaskan imej negara dan pertumbuhan ekonomi.

Tajol Rosli berkata dengan keadaan itu kemungkinan pelabur dan pelancong tidak akan datang ke Malaysia apabila ia digambarkan sebagai sebuah negara yang tidak aman.

Katanya keadaan huru-hara yang dicituskan itu merupakan faktor kerugian paling besar kerana ia boleh menjejaskan ekonomi negara secara keseluruhan.

-- BERNAMA

NH RON